



**BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA**

# **BULETIN PPj**

**EDISI BAHARU**

**• KELUARAN 4 2020**



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

# ISI KANDUNGAN

- DATUK MUHAMMAD AZMI  
PRESIDEN BARU PPJ 3
- PPJ JAMIN MASALAH PPAM  
MELINJAU AKAN SELESAI 4
- LEPAQ@CRUISE: TARIKAN  
BAHARU DI TASIK PUTRAJAYA 5
- PPJ TERIMA ANUGERAH AIM -  
FUTURE CITY AWARDS 6
- PERBADANAN PUTRAJAYA  
TELAH LAKSANA 35 SANITASI 7
- TEMBIKAI WANGI PENDUDUK  
PRESINT 14 8

# PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:  
[ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)



# Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain Presiden Perbadanan Putrajaya Yang Baru

**Y**Bhg Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain, dilantik sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke 6 berkuatkuasa 1 Oktober 2020.

Pelantikan YBhg. Datuk Muhammad Azmi adalah bagi menggantikan YBhg. Datuk Dr Aminuddin Hassim yang telah tamat kontrak pada 30 September 2020.

Datuk Muhammad Azmi merupakan Setiausaha Bahagian Sosial Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan adalah antara pegawai paling lama yang berkhidmat di kemeterian tersebut.

Pengumuman tersebut telah dibuat oleh Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.





# PPj Jamin Masalah PPAM Melinjau Akan Selesai

**P**erbadanan Putrajaya (PPj) memberi jaminan masalah projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Melinjau, Presint 11 akan diselesaikan dalam masa terdekat.

Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata, bagaimanapun proses pembaikan semula bangunan berkenaan hanya boleh dilaksanakan selepas pihak PPj menerima senarai kerosakan unit terbabit.

Pihak PPj turut membahagikan permasalahan yang dihadapi penduduk kepada tiga kategori iaitu struktur bangunan, kawasan gunasama (common area) dan unit kediaman individu.

Bagi kategori struktur binaan, PPj meminta pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan struktur di bangunan berkenaan.

Kategori kedua pula, iaitu kawasan gunasama, PPj bersama Persatuan Penduduk Melinjau akan mengenal pasti serta menyenaraikan segala kerosakan dalam tempoh seminggu.

Selepas mengenal pasti segala permasalahan, PPj akan mengaturkan perbincangan bersama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pemaju iaitu Pembinaan Jaya Zira Sdn Bhd untuk perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan.

Manakala kerja-kerja pembaikan dibahagikan kepada dua peringkat iaitu

jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Bagi kerosakan kecil, kerja pembaikan semula akan dilaksanakan dalam kadar segera dengan pihak pemaju. Selain itu untuk kecacatan atau kerosakan di unit kediaman individu, proses pembaikan akan dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak pemaju berdasarkan senarai aduan kecacatan atau kerosakan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik unit kediaman tersebut.

Sebelum ini media melaporkan, pemilik PPAM Melinjau tidak berpuas hati dengan keadaan rumah mereka walaupun ia sudah siap dibina sejak tiga tahun lalu.

Pemilik turut mendakwa pemaju masih gagal menyerahkan unit rumah mampu milik tersebut dalam keadaan sempurna daripada segi binaan mengikut spesifikasi pembinaan.



# Perbadanan Putrajaya Telah Laksana 35 Sanitasi

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah melaksanakan 35 program sanitasi di kawasan tumpuan awam pusat pentadbiran kerajaan ini sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah awal mengekang dan mencegah penularan Covid-19.

Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata, ia dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora).

Sanitasi dijalankan selaras dengan garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Lokasi sanitasi antaranya membabitkan sekolah, taman perumahan dan permainan," katanya kepada media pada Operasi Sanitasi Awam, Pasar Awam Presint 8.

Menurut beliau, langkah keselamatan seperti sanitasi awam ini menjadi keutamaan PPj dalam memastikan kesejahteraan orang ramai.





# Lepaq@Cruise: Tarikan Baharu Di Tasik Putrajaya

**P**utrajaya adalah destinasi pelancongan dalam bandar yang popular dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara. Apatah lagi tasik buatan seluas 650 hektar sememangnya mempunyai aura tersendiri bagi menarik kehadiran ramai pengunjung untuk beriadah dan melakukan pelbagai aktiviti air.

Terletak di tengah-tengah pusat pentadbiran negara itu, tasik berkenaan juga dilihat sebagai salah satu ikon menceritakan keunikan Putrajaya sebagai bandar moden yang dikelilingi alam semula jadi.

Sepanjang melayari Tasik Putrajaya dengan Cruise yang disediakan oleh Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB), pelayaran selama satu jam setengah sejauh 10 kilometer tidak terasa begitu lama. Ini kerana, pelancong bukan sahaja disajikan dengan hidangan makanan tradisional Melayu yang menyelerakan seperti satay, nasi himpit, kuah kacang dan roti jala bahkan dengan persembahan buskers yang memainkan lagu-lagu kegemaran ramai di samping aktiviti permainan yang menghiburkan.

Ini antara pengisian yang terdapat dalam pakej baharu iaitu Lepaq@Cruise bagi merencanakan aktiviti pelancongan domestik yang sangat terkesan akibat pandemik Covid-19 sekali gus menyekat kemasukan pelancong asing ke negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MPSB, Datuk Zaharah Selamat berkata, sebagai permulaan pakej tersebut akan dianjurkan pada setiap Sabtu minggu keempat setiap bulan dengan pelbagai tema yang disediakan kepada pengunjung.

Cruise akan mula berlayar pada pukul 9 malam dari Jeti Cruise Tasik Putrajaya di Presint 1 dan sebanyak 21 kawasan tarikan

dan tumpuan pelancongan sepanjang tasik tersebut dapat dinikmati seperti Istana Darul Ehsan, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Yayasan Kepimpinan Perdana, Monumen Alaf Baru dan Jambatan Seri Saujana.

Setiap bulan tema yang berbeza akan diperkenalkan supaya pengunjung dapat merasakan sendiri tarikan dan kelainan yang disediakan. Ke kerapannya waktu pelayaran juga akan ditingkatkan sekiranya pakej ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Lepaq@Cruise menawarkan harga RM250 bagi dua dewasa manakala RM75 bagi seorang kanak-kanak dan mampu memuatkan seramai 30 penumpang pada satu-satu masa mengikut prosedur operasi standard (SOP) penjarakan fizikal bagi mencegah jangkitan wabak Covid-19.

Pelanggan yang membuat tempahan bagi pembelian pakej tersebut juga layak mengambil bahagian dalam cabutan bertuah sekali gus berpeluang memenangi hadiah telefon pintar bernilai RM2,500.

Pakej istimewa ini bermula sejak Ogos lalu yang memperkenalkan tema Silver & Black sempena sambutan Jubli Perak penubuhan Putrajaya bagi tahun yang ke-25.



# PPj Terima Anugerah AIM - Future City Awards

**P**erbadanan Putrajaya (PPj) melakar nama di pentas dunia apabila menerima Anugerah Annual Investment Meeting (AIM) - 'Future City Awards' di bawah kategori 'Future Government Award' bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0 PPj.

Sistem tersebut berkebolehan untuk menerima, memproses, meluluskan dan memantau semua projek perancangan, pembangunan, landskap, infrastruktur, serta ubahsuai sehingga ke pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Sistem ini juga dilihat sebagai cerminan ketelusan PPj dalam berurusan dengan pemegang taruh yang terbabit serta dapat mempercepatkan proses kelulusan.

Penganugerahan ini adalah yang pertama di peringkat antarabangsa yang diterima oleh PPj bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0.

Anugerah ini diterima atas pencapaian markah tertinggi PPj dalam penyertaan Pertandingan Inovasi Antarabangsa AIM Future Cities Award Dubai 2020.

AIM Digital 2020 adalah ekspo digital yang dianjurkan oleh AIM, satu inisiatif daripada Kementerian Ekonomi Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk menghimpunkan komuniti pakar pelaburan global di bawah satu platform virtual.

Anugerah ini diterima melalui Majlis Future Cities Award Ceremony secara maya bersempena penganjuran AIM Digital 2020 yang berlangsung dari 20 hingga 22 Oktober 2020 di Dubai.

Sistem Pemantauan OSC 3.0 ini mudah dan boleh diakses secara pangkalan web dan telefon.

Sistem ini menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan di arena tempatan seperti Anugerah Presiden di Malaysia Institute of Planners (MIP) for Planning Excellence 2018, Anugerah Emas di Regional Team Excellence 2019 oleh Malaysia Productivity Corporation, Anugerah 5 Bintang Emas di The Annual Productivity and Innovation Conference (APIC) Exposition 2019 dan Pemenang Kategori Sektor Awam di APIC 2019.

Selain itu, sistem ini juga dapat dilihat sebagai kayu ukur kepada pembangunan Sistem OSC 3 Plus oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia.

Anugerah yang diterima ini merupakan satu pengiktirafan kepada usaha PPj dalam usaha memajukan Putrajaya sebagai Smart City menjelang 2025.

Blueprint Smart City Putrajaya menggariskan 93 inisiatif pintar yang bermula sejak 2018 lagi.



# Tembikai wangi penduduk Presint 14

Kesungguhan beberapa pesara yang berkebun secara kecil-kecilan membuahkan hasil selepas tanaman buah rock melon atau tembikai wangi yang diusahakan di Kebun Komuniti 4 (KK4) di Presint 14, Putrajaya mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

Pengerusi KK4, Burhanuddin Mohd. Ghazali berkata, dia bersama tiga orang rakan lain mula bercucuk tanam di sebuah kawasan terbiar berhampiran kawasan perumahan mereka sejak 2016.

Bekas jurutera itu berkata, pada peringkat awal, tanaman diusahakan dalam skala kecil, namun setelah melihat sambutan penghuni sekitar Presint 14, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil inisiatif mewujudkan KK4 di bawah Program Bumi Hijau pada tahun 2018.

Pada mulanya sekitar tahun 2016, mereka menanam sayur-sayuran dan ulam-ulaman untuk kegunaan sendiri dan jiran-jiran sahaja sebelum PPj mengiktiraf kawasan yang diusahakan itu sebagai kebun komuniti KK4 pada tahun 2018.

Pada peringkat awalnya memang agak mencabar bagi mereka kerana tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian, namun atas dasar minat, mereka mempelajari teknik tanaman menggunakan sistem fertigasi.

Program Bumi Hijau adalah kesinambungan Kempen Bumi Hijau peringkat kebangsaan yang telah disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2006.

Pelaksanaan secara bersama dengan PPj itu membuka ruang kepada penduduk setempat Putrajaya menjana pendapatan sampingan apabila masing-masing mula mengamalkan pertanian bandar di kawasan kediaman.

Kini terdapat empat kebun komuniti di Putrajaya meliputi Kebun Komuniti 1 di Taman Rimba Desa Presint 9, Kebun Komuniti 2 di Presint 8, Kebun Komuniti 3 di Presint 9 dan Kebun Komuniti 4 di

Presint 14. Keempat-empat kebun komuniti ini memfokuskan tanaman tembikai wangi sebagai tanaman utama.

Burhanuddin berkata, KK4 yang mempunyai keluasan 609 meter persegi itu kini diusahakan oleh puluhan penduduk.

Antara tembikai wangi yang diusahakan di KK4 ialah jenis canary melon yang kulitnya berwarna kuning. Memandangkan tempoh matang pokok ini antara 60 hingga 70 hari, mereka turut mempelbagaikan tanaman seperti serai, tomato ceri, kacang panjang, bendi, bayam, pucuk ubi dan terbaharu cendawan bagi memastikan kebun dimanfaatkan sepenuhnya.

Harga jualan tembikai wangi KK4 lebih rendah iaitu RM7.50 sekilogram berbanding harga pasaran mencecah RM9.50 sekilogram. Pada masa sama, pihak KK4 turut memberikan tunjuk ajar kepada pelanggan yang berminat selain turut menjual anak-anak pokok, baja dan keperluan berkebun bagi menggalakkan aktiviti berkebun.

Buat masa ini, KK4 mempunyai 30 ahli berdaftar dengan 10 ahli aktif yang terdiri daripada pesara tentera, bekas guru, suri rumah selain individu yang masih bekerja. Mana-mana ahli yang berkelapangan akan datang ke kebun selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu untuk memastikan KK4 terus memberi pulangan kepada komuniti setempat.

